

# MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS SPECIAL PROTECTION SIRI 13/2018, PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENYERAHAN CEK SUMBANGAN DARI TABUNG ZAKAT ATM

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4124-majlis-pembukaan-kursus-special-protection-siri-13-2018-pemakaian-pangkat-dan-penyERAHAN-cek-sumbangan-dari-tabung-zakat-atm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4124-majlis-pembukaan-kursus-special-protection-siri-13-2018-pemakaian-pangkat-dan-penyERAHAN-cek-sumbangan-dari-tabung-zakat-atm)

BUKIT IBAM, 1 Nov 18 – Majlis Pembukaan Kursus Special Protection Siri 13/2018 telah diadakan di Padang Kawad SLTT, TUDM Bukit Ibam yang dirasmikan oleh Pegawai Memerintah SLTT iaitu Lt Kol Jafridin bin Bahari TUDM. Kursus berkenaan telah di hadiri oleh 18 anggota LLP Pasukan Khas TUDM dari pelbagai ketukangan. Dalam majlis tersebut juga turut dilaksanakan upacara pemakaian pangkat kepada 4 anggota LLP dan penyampaian cek sumbangan dari Tabung Zakat ATM kepada Sjn U Emely Erdzuan bin Ahmad Zohdi untuk anak beliau yang menghidap penyakit sakit jantung berlubang sejak awal kelahiran. Majlis turut dihadiri oleh semua pegawai dan anggota LLP Sekolah Latihan Tempur TUDM Bukit Ibam.



